

Kedai buku bergerak di Baghdad popular

BH
30/4/17
mls-45



Kedai buku bergerak Al-Moussawi mengembalikan semangat cintakan buku dalam kalangan penduduk di Baghdad.

Perang tidak halang anak muda Iraq pupuk minat membaca

Baghdad

Pasukan keselamatan Iraq yang mengawal pusat pemeriksaan di ibu kota ini untuk mengesan bom kereta dan konvoi hairan apabila Ali al-Moussawi muncul dengan trak dipenuhi pelbagai jenis buku.

Kedai buku bergerak itu adalah usaha terkini anak muda berusia 25 tahun berkongsi minatnya serta mengembalikan semula semangat cintakan buku di ibu kota yang terkenal dengan letupan bom berbanding statusnya sebagai kota kegemilangan Islam suatu ketika dahulu.

Ia bermula dengan penubuhan sebuah kumpulan pembaca di laman

media sosial Facebook dikenali *Iraqi Bookish* pada 2015.

Bermula di situ, Al-Moussawi mula menganjurkan pelbagai aktiviti seperti kelab buku, pertandingan dan seminar menulis yang diadakan di pusat kebudayaan dan beberapa kafe.

“Saya sangat gemar membaca. Saya sudah lama menyimpan keinginan bertemu ramai lagi individu seperti saya dan memikirkan untuk mewujudkan sesuatu yang boleh dijadikan ruang untuk kami bertemu pada bila-bila masa tanpa mengira di mana mereka berada,” kata anak muda yang memiliki ijazah dalam jurusan Penterjemahan Bahasa Inggeris.

Sedia khidmat penghantaran
Al-Moussawi akhirnya menjadikan penjualan buku sebagai usaha menampung penganjuran pelbagai aktiviti, membuka gerai buku di pusat beli-belah yang menyediakan perkhidmatan penghantaran dan rak buku serta hadiah bertemakan buku.

Beliau kini melangkah setapak lagi dengan mengendalikan kedai buku bergerak, mengharungi kesesakan lalu lintas dan melepasi pos pemeriksaan ketat, kawat berduri serta tembok penghalang letupan.

Trak Al-Moussawi juga sering diperiksa kerana dikhuatiri membawa bahan larangan khususnya bahan letupan, manakala ruang parkir ter-

Fakta nombor

RM17,384
PENDAPATAN

diperoleh Al-Moussawi setiap bulan

takluk kepada rundingan yang dibuat bersama pengawal bertugas.

Pameran buku setiap Jumaat
Pasar al-Mutanabbi di tengah Baghdad yang dinamakan sempena penyair ulung abad ke-10 sering menjadi lokasi pameran buku pada setiap Jumaat.

Kafe Shahbandar di tengah bazar itu pula kekal sebagai lokasi popular dalam kalangan penulis dan golongan cendekiawan.

Al-Moussawi kini memiliki ramai pelanggan. Katanya, perniagaan dijalankan itu mampu memberi pulangan sehingga AS\$4,000 (RM17,384) setiap bulan dan membolehkan beliau menggaji empat pekerja. **AP**